

14 MAY 1996

Mahathir-MSK

PM ADAKAN PROMOSI MSK DI KALANGAN PEMIMPIN PERNIAGAAN JEPUN

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 14 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meneruskan promosinya bagi Koridor Super Multimedia (MSK) yang akan ditubuhkan oleh Malaysia di kalangan pemimpin perniagaan Jepun di sini esok.

Perdana Menteri dijangka memberi ucapan utama pada majlis penerangan mengenai MSK Malaysia yang dijangka dihadiri kira-kira 400 wakil termasuk pengerusi eksekutif dan naib presiden perbadanan-perbadanan terkemuka Jepun.

Mereka daripada pelbagai industri termasuk telekomunikasi, perbankan, insurans, perdagangan, perkilangan, penyelidikan dan pembangunan dan penerbangan, kata pegawai Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) ketika dihubungi di sini hari ini.

NTT, satu daripada pakar telekomunikasi Jepun yang mempunyai pejabat perwakilannya di Kuala Lumpur, menganjurkan majlis itu.

Dr Mahathir mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi serantau. Semasa berucap di perhimpunan agung Persatuan Teleport Sedunia di sini, semalam, beliau berkata MSK akan memberi galakkan bagi pelabur tempatan dan asing khususnya dalam industri komputer, penyiaran, komunikasi dan multimedia.

MSK di Malaysia akan diwujudkan di sepanjang koridor seluas 600 km persegi iaitu antara Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang akan menjadi pusat pentadbiran baru bagi kerajaan persekutuan.

Ucapan dasar Dr Mahathir bertajuk "jemputan bagi projek MSK" didahului dengan ucapan presiden NTT, Masashi Kojima, dan juruperunding terkemuka Kenichi Ohmae, yang akan berceramah mengenai strategi korporat dalam multimedia.

Perdana Menteri menghabiskan hari kedua lawatan enam harinya ke ibu negara Jepun itu dengan melawat kilang pengeluaran lori Isuzu Motors Ltd di Fujisawa lebih kurang 60 km dari sini.

Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia dan Jepun.

MoU pertama adalah antara Isuzu dengan Hicom Holdings Bhd dan anak syarikatnya Diversified Resources Bhd untuk mengeluarkan lori tempatan.

MoU yang satu lagi ialah antara Premier Choice Sdn Bhd, sebuah konsortium kejuruteraan terperinci dan Daiki Die serta Mould Machinery Company Ltd untuk mengadakan usaha sama mengeluarkan acuan plastik untuk bahagian-bahagian kenderaan.

Perdana Menteri juga menghadiri jamuan perkahwinan Jiro Suzuki, anak lelaki Presiden syarikat Mitsui Co Ltd Kuala Lumpur, Tan Sri K. Suzuki. --

BERNAMA

TCL PR